

# Nani Sahirah pecah rekod Malaysia berusia 33 tahun

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH | 18 Disember 2022, 9:50 pm



NANI SAHIRAH ceria selepas memenangi pingat emas acara lontar peluru kategori podium Kejuhanan Olahraga Grand Final IPT 2022 hari ini.

KUALA LUMPUR – Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM), Nani Sahirah Maryata berada dalam kelas tersendiri apabila meleburkan rekod lontar peluru wanita kebangsaan yang sudah pun berusia 33 tahun.

Nani Sahirah, 21, mencipta sensasi itu apabila membuat lontaran sejauh 14.48 meter (m) untuk memadam catatan lama kebangsaan iaitu 14.41m yang dilakukan oleh Lee Chiew Har di Kuala Lumpur pada 1989.

Lontaran pada percubaan terakhir itu membolehkannya menggondol pingat emas Kejuhanan Olahraga Grand Final Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil hari ini.

Pingat perak dan gangsa acara itu dimenangi dua lagi atlet UPM iaitu Nurul Ainin Syauqina M. Nor Azahar (12.21m) serta Queenie Ting (12.20m).



NANI SAHIRAH mendapat insentif berjumlah RM3,000 daripada KPT atas kejayaan memecahkan rekod kebangsaan.

Atlet dari Kuantan, Pahang itu langsung tidak menjangka mampu memecahkan rekod kebangsaan walaupun sudah menanam impian untuk melakukannya sejak tiga tahun lalu.

“Saya ada lihat rekod sebelum ini dan memang berhasrat untuk memecahkannya. Ambil masa dalam dua tiga tahun juga dan akhirnya saya dapat memecahkan rekod itu.

“Memang tidak percaya, masih seperti mimpi kerana saya tak pernah buat jarak 14m pun sebelum ini. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada jurulatih, ibu bapa dan rakan yang sentiasa memberikan sokongan,” katanya.

Kejayaan memperbaharui rekod kebangsaan itu menyaksikan Nani Sahirah menerima durian runtuh apabila menerima insentif sebanyak RM3,000 daripada Kementerian Pengajian Tinggi.



QUEENIE (kiri) dan Nani Sahirah adalah dua atlet yang berjaya mencipta rekod baharu kebangsaan pada Kejuhana Olahraga Grand Final IPT 2022.

Menariknya, ia turut melayakkannya ke Sukan SEA Kemboja 2023 dalam kategori A kerana catatan itu telah mengatasi jarak 12.51m dilakukan atlet Thailand, Athima Saowaphaiboon yang meraih gangsa di Hanoi tahun ini.

Setakat ini, dua rekod Malaysia telah berjaya dipecahkan pada kejuhanan itu selepas Queenie Ting mencipta catatan baharu kebangsaan dalam acara lempar cakera dengan jarak 52.77m.

Malah, sebanyak 14 rekod baharu kejuhanan termasuk dua rekod kebangsaan itu juga berjaya dipahat selama tiga hari kejuhanan tersebut. – KOSMO! ONLINE